

---

LUCKY PALM CO SDN BHD v. LIM KIM GEE T/A BAN LEONG KEDAI KAIN  
HIGH COURT, PULAU PINANG  
ABDUL HAMID MOHAMED J  
GUAMAN SIVIL NO. 22-313-95  
29 AUGUST 1996  
[1996] 1 LNS 531

**Counsel:**

*PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA*

1. *En. R. Ramanathan (Tetuan Ram Pillai & Associates) &hellip; bagi pihak Plaintiff/Perayu.*
2. *En. Jagdeep Singh Deo (Tetuan Karpal Singh & Co.) bagi pihak Defendan/Responden.*

**JUDGMENT**

**(Lampiran 9)**

Pada 15 November 1995 Plaintiff memulakan guaman ini menuntut wang berjumlah RM1,419,770.30, faedah dan kos. Hutang itu ialah untuk harga barang-barang PVC/getah yang dijual dan dihantarserah oleh Plaintiff kepada Defendan atas permintaan Defendan.

Defendan memasukkan kehadiran pada 1 Disember 1995. Pada 2 Januari 1996 Plaintiff memfail Saman dalam Kamar memohon penghakiman terus di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT 1980). Pada 11 Januari 1996 Defendan memfail Pembelaannya. Beberapa afidavit difail oleh kedua belah pihak selepas itu.

Pada 17 Jun 1996, Penolong Kanan Pendaftar menolak permohonan Plaintiff. Plaintiff merayu kepada Hakim dalam Kamar. Pada 2 Ogos 1996 saya membenarkan rayuan Plaintiff dari memberi penghakiman terus kepada Plaintiff. Defendan merayu rayuan ini.

**[Page 2]**

Seperti biasa dalam permohonan seperti ini, soalnya ialah sama ada terdapat persoalan-persoalan yang patut dibicarakan atau sebab-sebab lain yang mematutkan perbicaraan penuh.

Mengikut Defendan, terdapat satu persetujuan di antaranya dengan Plaintiff di mana dia dilantik sebagai ejen tunggal bagi membekalkan dan mengedar barang lantai PVC Plaintiff kepada pasaran tempatan di Malaysia. Agensi itu tanpa tarikh tamatnya. Mengikutnya, telah dipersetujui juga bahawa Defendan diberi antara 90-150 hari untuk membuat bayaran bagi barang-barang yang diterima. Mengikut Defendan, Plaintiff, mengingkari persetujuan itu, dalam bulan Oktober 1994 hingga Mac 1995, telah menghantar barang itu kepada pihak

lain, tidak kepadanya sahaja sebagai ejen tunggal. Defendan membantah melalui surat penguamcaranya bertarikh 21 Disember 1994. Hal yang aerupa berlaku lagi dalam bulan Ogos 1995 dan Defendan juga membantah sekali lagi. Oleh sebab bantahannya tidak dihiraukan oleh Plaintiff, Defendan telah memulakan guaman sivil No. 22-289-95 memohon perintah-perintah yang sama dengan yang dipohnnya dalam tuntutan balas dalam kes ini. Mengikut Defendan, Jika Plaintiff tidak mengingkari persetujuan ejensi tunggal itu, Defendan akan dapat membekal kepada pemborong yang akan membuat bayaran kepadanya. Seterusnya Defendan pula boleh membayar kepada [Page 3] Plaintiff. Defendan mengatakan persetujuan ejensi tunggal itu masih wujud. Dalam kata-kata lain, pembelaan Defendan ialah dia tidak dapat menjelaskan hutangnya kepada Plaintiff kerana Plaintiff mengingkari persetujuan ejensi tunggal itu. Defendan tidak menafikan wujudnya hutang itu.

Plaintif menafikan wujudnya persetujuan ejensi tunggal itu dan mengatakan bahawa Defendan telah dibekalkan dengan barang itu dari ibu syarikat Plaintiff di Korea sebagai pembeli biasa. Pertemuan antara Encik Lee Sung Kuen, Pengarah Urusan Syarikat Plaintiff dengan Defendan yang disebut oleh Defendan itu, iaitu dalam bulan Mac 1994, adalah untuk menyambung bekalan dari kilang Plaintiff yang dibina di Malaysia, bukan untuk melantiknya sebagai ejensi tunggal. Plaintiff menafikan ia memberi tempoh antara 90-150 hari kepada Defendan untuk membuat bayaran. Plaintiff juga telah mengemukakan surat daripada Defendan bertarikh 21 September 1995 yang berbunyi:

"LG PLASTICS SDN BHD.,

Plot 2 Prai Induatrial Estate IV

13600 Prai

Dear Sirs,

Confirmation of balance.

Accordlng to our record, the nett amount due to you is RM1, 441, 185. 14.

There is a difference of RM16, 715. 11 please refer to our Debit Note BLKK/01/95 dated 20. 3.95.

[Page 4]

Kindly clarify and advise.

Yours faithfully,

(sgd.)

BAN LEONG KEDAI KAIN"

Jadi, adalah amat jelas bahawa barang itu telah dihantar, diterima, dan terdapat baki hutang yang tidak dijelaskan oleh Defendan dan hutang itu diakui oleh Defendan. Pembelaan Defendan lalah bahawa terdapat satu persetujuan ejensi tunggal yang dimungkiri oleh Plaintiff. Perkara itu adalah perkara kes dalam tindakan Defendan terhadap Plaintiff dalam

guaman civil satu lagi itu. Tuntutan balas dalam kes ini adalah sama dengan tuntutan Defendan dalam kes itu. Plaintiff dalam permohonan ini tidak memohon tuntutan balas Defendan dibatalkan. Plaintiff cuma memohon supaya penghakiman diberi untuk jumlah yang terhutang. Itu sahaja.

Jadi, soalnya ialah adakah pembelaan Defendan itu membangkitkan persoalan untuk dibicarakan dalam tuntutan Plaintiff ini? Pada pandangan saya tidak. Apa yang dibangkitkan oleh Defendan itu tidak boleh menjadi satu pembelaan kepada tuntutan Plaintiff. Kausa tindakan Defendan terhadap Plaintiff yang terkandung dalam tuntutan balasnya dalam kes ini dan dalam pernyataan tuntutannya dalam kes satu lagi itu adalah berlainan.

Dalam keadaan ini saya meluluskan rayuan Plaintiff dan memasukkan penghakiman kepada Plaintiff seperti yang [Page 5] dipohon. Defendan tidak dihalang daripada meneruskan tuntutannya terhadap Plaintiff seperti terkandung dalam pernyataan tuntutannya dalam kes satu lagi itu dan juga dalam tuntutan balas dalam kes ini. Kos kepada Plaintiff.

**Dato' Abdul Hamid bin Hj. Mohamad**

Hakim, Mahkamah Tinggi

Pulau Pinang.

**PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA**

1. En. R. Ramanathan (Tetuan Ram Pillai & Associates) ... bagi pihak Plaintiff/Perayu.
2. En. Jagdeep Singh Deo (Tetuan Karpal Singh & Co.) bagi pihak Defendan/Responden.

29.8.96